

# Inskén, MPUD lengkapkan pakej pembangunan usahawan akar umbi



DALAM memastikan semua program pembangunan usahawan dapat mencapai matlamatnya termasuk bagi golongan sasaran di peringkat akar umbi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi hari ini turut melancarkan penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD).

Penubuhan MPUD dilancarkan secara serentak dengan pelancaran Institut Keusahawanan Negara (Inskén) oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya semalam.

Buat permulaan MPUD ditubuhkan di 26 buah daerah di seluruh negara dengan dipengerusikan oleh pemimpin daerah manakala kewujudan majlis tersebut di daerah-daerah lain akan diperluaskan secara berperingkat.

Penubuhan MPUD setakat ini melibatkan daerah Tawau dan Sandakan di Sabah; Johor Bahru, Muar dan Segamat (Johor); Jasin (Melaka); Kuala Pilah, Rembau dan Seremban (Negeri Sembilan) dan Wilayah Persekutuan.

Selangor pula melibatkan daerah Sabak Bernam; Perak (Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Batang Padang); Kedah (Padang Terap dan Kubang Pasu); Pulau Pinang (Seberang Prai Utara); Perlis (Padang Besar); Terengganu (Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Dungun) dan Pahang (Bentong, Raub, Kuantan dan Pekan).

Keahlian MPUD terdiri daripada semua wakil agensi di bawah kementerian di peringkat daerah, usahawan tempatan yang telah berjaya dan persatuan-persatuan peniaga manakala pejabat Majlis Amanah Rakyat (MARA) daerah pula berfungsi sebagai urus setia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, MPUD merupakan kaedah dan mekanisme kementerian bagi membolehkan semua program pembangunan usahawan termasuk latihan-latihan yang ditawarkan oleh Inskén dapat dinikmati oleh usahawan di peringkat akar umbi.

"Pendek kata, MPUD akan berperanan menyelaras, memantau dan mengesan keberkesanan program-program pembangunan usahawan yang dilaksanakan di peringkat daerah," katanya pada majlis pelancaran tersebut.

Secara ringkas, antara tanggungjawab MPUD ialah:

- Penyelaras kepada program pembangunan usahawan yang dilaksanakan di pelbagai agensi atau jabatan.
  - Mengenal pasti bidang-bidang yang berpotensi seperti satu daerah satu industri untuk dilaksanakan di daerah berkenaan.
  - Memantau pelaksanaan program pembangunan usahawan dan menentukan tindakan-tindakan susulan yang sesuai.
  - Mengemukakan cadangan termasuk program latihan dan penambahbaikan bagi program pembangunan usahawan yang dilaksanakan di daerah.
  - Mendapat maklumat mengenai program pembangunan usahawan di peringkat daerah yang dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.
  - Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasar dalam pelaksanaan program pembangunan usahawan.
  - Melapor status program pembangunan usahawan kepada Jawatankuasa Pembangunan Usahawan di peringkat Pusat dan negeri.
- Mohamed Khaled menjelaskan, kementeriannya komited untuk menentukan bantuan, sokongan dan kemudahan yang dirancang meliputi semua peringkat usahawan dari yang kecil sehingga ke peringkat global.
- "Saya berharap usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan akan menyedarkan mereka dan mereka berusaha supaya tidak ketinggalan untuk mengambil nikmat bantuan dan sokongan yang diberikan oleh kerajaan," katanya.



NAJIB Tun Razak menyerahkan surat pelantikan sebagai ahli majlis penasihat Inskén kepada Mariam Majid dari Mara.

Mangsor Saad (kiri) bertukar-tukar dokumen persetujuan kerjasama latihan antara Inskén dan UiTM dengan Naib Canselor UiTM, Ibrahim Abu Shah.